



مجلس بنداراي قتاليج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami : MBPJ/090100/T/A6/JLD 17 ()

Tarikh : 21 OKTOBER 2021

MAKLUM BALAS ARTIKEL BERTAJUK “DAMAGED PAVED PATH AT ASTAKA FIELD A RISK TO USER” BERTARIKH 19 OKTOBER 2021 YANG DISIARKAN OLEH AKHBAR THE STAR

Merujuk kepada artikel yang disiarkan oleh akhbar The Star bertajuk “**Damaged Paved At Astaka Field A Risk To User**”, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ingin memaklumkan bahawa laluan pejalan kaki yang telah pecah dan rosak di sebahagian kecil laluan tersebut adalah disebabkan oleh kejadian pokok tumbang yang mengakibatkan kerosakan ke atas laluan pejalan kaki tersebut.

Untuk tindakan, Majlis melalui Jabatan landskap telah pun mengeluarkan arahan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan laluan pejalan kaki tersebut termasuk kerja-kerja pembersihan pokok tumbang melalui kontraktor panel penyelenggaraan “hardscape” yang dijadualkan akan bermula dalam masa terdekat.

Sehubungan dengan itu, dimohon pihak akhbar The Star untuk menyiarkan maklum balas ini bagi menjawab berkenaan artikel yang telah dikeluarkan sebelum ini agar orang awam dapat maklumat yang jelas mengenai tindakan majlis untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

